**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | Pastikan Kenyataan Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Guru/Kastam/Polis dan Surat Jemputan disertakan.<br><br>1.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br><br>a) tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima.<br>b) baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi.<br><br>2.0 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.<br><br>3.0 Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap seperti berikut :-<br><br>3.1 Nama dan no.kad pengenalan hendaklah dicatitkan.<br><br>3.2 Gred / Kategori / Kumpulan & Jawatan<br><br>Takrif Gred : Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.<br><br><u>Takrif “Pegawai”.</u><br>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut. | Format seperti di Pek Perbend Bil 6 Tahun 1994<br><br>Arahan Perbendaharaan 58(a)<br><br>Pek. Perbend. Bil 3 Tahun 2003 para 2.1<br><br>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 2.3 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | <u>Takrif sementara</u><br><br>Jawatan yang diwujudkan untuk menjalankan sesuatu fungsi bagi suatu tempoh tertentu di mana peruntukan emolumennya ditetapkan di bawah anggaran belanja mengurus dan tersenarai dalam senarai perjawatan. | Istilah Perkhidmatan Awam JPA www.jpa.gov.my |
| | | <u>Takrif sangkut</u><br><br>Seseorang yang diambil berkhidmat oleh Ketua Jabatan yang dibayar elaun bulanan berdasarkan kepada gaji minimum kepada jawatan mereka disandarkan (sekiranya mempunyai kelayakan penuh) atau dikurang satu pergerakan dari gaji minimum (sekiranya tidak memiliki kelayakan penuh).<br>Tempoh perkhidmatan tidak boleh diambilkira untuk faedah persaraan jika pegawai dilantik tetap.<br>Pengambilan dihadkan hanya bagi perkhidmatan dalam Kumpulan Pengurusan. | Istilah Perkhidmatan Awam JPA www.jpa.gov.my |
| | | 3.3 Pendapatan (RM) termasuk gaji pokok dan elaun-elaun<br><br>3.4 Kenderaan – jenis/model,no.pendaftaran,kuasa (c.c) & kelas tuntutan | Pek Perkhid Bil 1 Tahun 2012 Lampiran I Para 3 |

| GAJI (RM) | KELAS | CC KENDERAAN |
|---|---|---|
| Tidak kurang dari RM2625.45 sebln | A | 1400 s.s dan keatas |
| Tidak kurang dari RM2333.00 sebln | B | 1000 s.s dan keatas |
| Tidak kurang dari RM1820.75 sebln | C | Di bawah 1000 s.s. |
| Kurang dari RM1820.75 sebulan | D | Tidak kurang 175 s.s. |
| Kurang dari RM1820.75 kebawah | E | Di bawah 175 s.s. |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 3.5 Alamat Pejabat & Alamat Rumah<br><br><u>Takrif “Ibu Pejabat”.</u><br>Tempat biasa seorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya :-<br>a) 25km jika boleh dihubungi oleh jalanraya<br>b) 16km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor<br>c) 8km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai<br>4.0 Kenyataan tuntutan perjalanan menghadiri sambutan hari perkhidmatan. (Hari Guru/Kastam/Polis dsb)<br><br>Semak sama ada kenyataan tuntutan pegawai adalah lengkap – catitkan dengan jelas tarikh, waktu bertolak dan sampai, tujuan / tempat dan jarak (k.m) perjalanan).<br><br>4.1 Semak Dokumen Surat Panggilan sebagai dokumen sokongan<br><br><u>Pegawai yang layak menuntut</u> adalah pegawai yang dijemput sebagai Ketua Jabatan atau mewakili Ketua Jabatan menghadiri sambutan hari perkhidmatan seperti para 4.0 di peringkat Negeri dan Kebangsaan<br><u>Pegawai yang tidak layak menuntut</u> adalah pegawai yang menghadiri mesyuarat urusetia, menjadi pemerhati, menyertai raptai atau menyertai Majlis Hari Guru/Kastam/Polis dsb<br><br>5.0 Elaun Perjalanan<br><br>5.1 Tuntutan elaun perjalanan<br><br>Semak kelas tuntutan kilometer (km) pastikan silinder (s.s) kenderaan yang betul berdasarkan gaji dan silinder kenderaan.<br>Jika pegawai menggunakan kenderaan Jabatan atau penganjur pegawai tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan. | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 2.2<br><br>Surat daripada Kem. Kewangan KK/BP(8.00)443/1-4SJ.B(P)(JD.9)/(38) bth. 5 Ogos 1988<br><br>Surat drpd JPA JPA.63/4/2/Klt.17/(156)bth 8 Okt1991 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<table>
<tr><td colspan="3">TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA</td></tr>
<tr><td colspan="2">RUJUKAN DOKUMEN :</td><td>MUKASURAT : 4/13</td></tr>
<tr><td>KELUARAN : 1</td><td>PINDAAN : 1</td><td>TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Perkara</th><th>Maklumat Yang Perlu Disemak</th><th>Rujukan</th></tr>
<tr>
<td>1.</td>
<td>Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan</td>
<td>
<table>
<tr><th></th><th>A</th><th>B</th><th>C</th><th>D</th><th>E</th></tr>
<tr><td>500km pertama</td><td>70</td><td>60</td><td>50</td><td>45</td><td>40</td></tr>
<tr><td>501km-1000km</td><td>65</td><td>55</td><td>45</td><td>40</td><td>35</td></tr>
<tr><td>1001km-1700km</td><td>55</td><td>50</td><td>40</td><td>35</td><td>30</td></tr>
<tr><td>1701km dan seterusnya</td><td>50</td><td>45</td><td>35</td><td>30</td><td>25</td></tr>
</table>
<br>5.2 Tuntutan tambang pengangkutan awam adalah seperti berikut :-
<br><br>i. Teksi / kereta sewa / bas / motobot dan lain-lain.<br>Mengikut tambang lazim dan disokong dengan resit sekiranya resit dikeluarkan. Sekiranya tiada, buat perakuan bahawa perbelanjaan telah dilakukan dan dibayar oleh pegawai.
<br><br>ii. Keretapi / kapal laut dan lain-lain<br>Kelas 1 : Gred 27 ke atas<br>Kelas 2 : Gred 1 – 26
<br><br>Seorang pegawai yang dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang atau kereta api dan oleh itu tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan berikut :-
<br><br>i. jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang 240km
<br>ii. apabila seorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan
<br>iii. apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri
<br>iv. apabila seorang pegawai mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi
<br>v. bagi peruntukan diatas kelulusan Ketua Jabatan hendaklah dilampirkan dengan baucar tuntutan pegawai
</td>
<td>Pek Perbend Bil 2 Tahun 2006<br><br>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.11.1 (a)<br><br>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.11.1 (b)<br><br>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.7.3</td>
</tr>
</table>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU/KASTAM/POLIS** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 5/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 5.3 Semak sama ada pegawai membawa kenderaan sendiri atau selain dari kepunyaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi.<br><br><u>Takrif 'kenderaan selain dari kepunyaan sendiri'</u><br>Ketua Jabatan boleh menimbangkan permohonan untuk menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan daripada pegawai yang menggunakan kenderaan selain dari kepunyaannya sendiri semasa menjalankan tugas rasmi dengan syarat :<br><br>i- kenderaan Jabatan tidak dapat disediakan bagi kegunaan pegawai<br>ii- pegawai hendaklah mengesahkan bahawa kenderaan yang dipinjam itu berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum dan semasa digunakan<br>iii- tuan punya kenderaan tersebut tidak ada menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan ke atas kenderaan yang sama di sepanjang tempoh tuntutan dibuat oleh pegawai. | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1984 |
| | | iii. Tambang Gantian<br><br>Seorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat yang jaraknya melebihi 240km daripada Ibupejabat nya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakkannya.<br><br>Tambang gantian itu hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api mengikut mana yang berkenaan. | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.8.1 |
| | | Pegawai yang menuntut tambang gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan berkaitan dengan perjalanan kapal terbang / kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang /stesen kereta api dan sebaliknya, bayaran cukai lapangan terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api. (berth charges) | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.8.2 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 6.0 Tuntutan elaun makan / elaun harian | |
| | | 6.1 Elaun Makan<br>Semak kenyataan tuntutan tarikh bertolak dan pulang bagi pegawai yang menghadiri hari guru/kastam/polis. | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.1.1 |
| | | <u>Takrif Elaun Makan</u><br>Layak dituntut oleh seorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih bermula dari waktu bertolak. | |
| | | 6.2 Elaun Harian<br><u>Takrif Elaun Harian</u><br>Layak bagi pegawai menjalankan tugas rasmi luar ibupejabat melebihi 8 jam tapi kurang 24 jam. Kadar mengikut kadar separuh dari kelayakan elaun makan. | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.2.1 |
| | | 6.3 Kadar Elaun Makan<br><br>Kadar Kelayakan seperti berikut :-<br><br>6.3.1 <u>Kakitangan Awam Biasa</u> | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.1.1 |

| **Gred** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** |
|---|---|---|
| Utama/Khas ‘A’ dan ke atas | 115.00 | 165.00 |
| Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’ | 100.00 | 130.00 |
| 53 dan 54 | 85.00 | 115.00 |
| 45 hingga 52 | 60.00 | 80.00 |
| 41 hingga 44 | 45.00 | 65.00 |
| 17 hingga 40 | 40.00 | 55.00 |
| 1 hingga 16 | 35.00 | 50.00 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 6.3.2 <u>Polis</u> | |

| **Pangkat** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** | Rujukan |
|---|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara | 115.00 | 165.00 | Pek Perbend Bil 4 Tahun 2003 para 4.1.1 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timb Pesuruhjaya Polis | 100.00 | 130.00 | |
| Pen. Kanan Pesuruhjaya Polis | 85.00 | 115.00 | Surat Pek. Perb. Bil. 9 Tahun 2010 |
| Penolong Pesuruhjaya Polis | 60.00 | 80.00 | |
| Inspektor hingga Penguasa Polis | 45.00 | 65.00 | |
| Konstabel hingga Sub Inspektor | 40.00 | 55.00 | |
| Sarjan hingga Sub Inspektor Sokongan/Orang Asli | 40.00 | 55.00 | |
| Konstabel hingga Koperal Sokongan/Orang Asli | 35.00 | 50.00 | |

6.3.3 <u>Tentera</u>

| **Pangkat** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** | Rujukan |
|---|---|---|---|
| Jeneral | 115.00 | 165.00 | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 para 5(a) |
| Leftenan Jeneral & Mejar Jeneral | 100.00 | 130.00 | |
| Brigedier Jeneral | 85.00 | 115.00 | |
| Kolonel | 60.00 | 80.00 | |
| Kapten hingga Leftenan Kolonel | 45.00 | 65.00 | |
| Sarjan hinggan Leftenan | 40.00 | 55.00 | |
| Prebet hingga Koperal | 35.00 | 50.00 | |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 8/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 7.0 Tuntutan bayaran sewa hotel / lojing<br>Semak dokumen ada disertakan resit hotel asal.<br><br>7.1 Takrif :<br>Bayaran sewa hotel adalah layak dituntut bagi pegawai menjalankan tugas rasmi di luar ibupejabat dan perlu menginap.<br><br>7.2 Kadar kelayakan adalah seperti berikut :<br><br>7.2.1 <u>Kakitangan Awam Biasa</u> | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.3.1<br><br>Surat Pek. Perb. Bil. 8 Tahun 2010 |

| **Gred** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** |
|---|---|---|
| Utama/Khas 'A' dan ke atas | Sebenar (Standard suite) | Sebenar (Standard suite) |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) |
| 53 dan 54 | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| 45 hingga 52 | 180.00 | 200.00 |
| 41 hingga 44 | 160.00 | 170.00 |
| 27 hingga 40 | 140.00 | 160.00 |
| 17 hingga 26 | 130.00 | 150.00 |
| 1 hingga 16 | 120.00 | 140.00 |

| **Bil** | **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 7.2.2 <u>Polis</u> | |

| **Pangkat** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara | Sebenar (Standard Suite) | Sebenar (Standard Suite) | Pek Perbend Bil 4 Tahun 2003 para 4.3.1 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timb Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) | |
| Pen. Kanan Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) | Surat Pek. Perb. Bil. 9 Tahun 2010 |
| Penolong Pesuruhjaya Polis | 180.00 | 200.00 | |
| Inspektor hingga Penguasa Polis | 160.00 | 170.00 | |
| Sarjan hingga Sub Inspektor | 140.00 | 160.00 | |
| Konstabel hingga Koperal | 130.00 | 150.00 | |
| Konstabel hingga Sub Inspektor Sokongan/ Orang Asli | 120.00 | 140.00 | |

7.2.3 <u>Tentera</u>

| **Pangkat** | **Semenanjung Malaysia (RM)** | **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| Jeneral | Sebenar (Standard Suite) | Sebenar (Standard Suite) | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Kembaran A |
| Leftenan Jeneral & Mej Jeneral | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) | |
| Brigedier Jeneral | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) | |
| Kolonel | 180.00 | 200.00 | |
| Kapten hingga Leftenan Kolonel | 160.00 | 170.00 | |
| Sarjan hingga Leftenan | 140.00 | 160.00 | |
| Prebet hingga Kolonel | 130.00 | 150.00 | |

Seorang pegawai layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya.

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 10/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 7.3 Elaun Lojing<br>Semak sama ada pegawai menginap di hotel atau tidak.<br>Pegawai adalah layak menuntut Elaun Lojing jika Pegawai tidak menuntut sewa hotel.<br><br><u>Takrif</u><br>Dibayar sekiranya pegawai tidak menginap dihotel sebaliknya menumpang di rumah kawan/saudara-mara / lain-lain tempat.<br><br>7.3.1 <u>Kakitangan Awam Biasa</u><br><br>**Gred** / **Semenanjung Malaysia (RM)** / **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)**<br>Utama/Khas 'A' dan ke atas — 80.00 — 85.00<br>Utama/Khas 'B' & 'C' — 75.00 — 80.00<br>53 dan 54 — 70.00 — 75.00<br>45 hingga 52 — 55.00 — 70.00<br>41 hingga 44 — 60.00 — 60.00<br>27 hingga 40 — 45.00 — 50.00<br>17 hingga 26 — 40.00 — 45.00<br>1 hingga 16 — 35.00 — 40.00<br><br>7.3.2 <u>Polis</u><br><br>**Pangkat** / **Semenanjung Malaysia (RM)** / **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)**<br>Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara — 80.00 — 85.00<br>Pesuruhjaya Polis dan Timb Pesuruhjaya Polis — 75.00 — 80.00<br>Pen. Kanan Pesuruhjaya — 70.00 — 75.00<br>Penolong Pesuruhjaya — 60.00 — 70.00<br>Inspektor hingga Penguasa Polis — 55.00 — 60.00<br>Sarjan hingga Sub Inspektor — 45.00 — 50.00<br>Konstabel hingga Koperal — 40.00 — 45.00<br>Konstabel hingga Sub Inspektor Sokongan/Orang Asli — 35.00 — 40.00 | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.3.1<br><br>Surat Pek. Perb. Bil. 8 Tahun 2010<br><br>Pek Perbend Bil 4 Tahun 2003 para 4.3.1<br><br>Surat Pek. Perb. Bil. 9 Tahun 2010 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 7.3.3 <u>Tentera</u> | |
| | | **Pangkat** \| **Semenanjung Malaysia (RM)** \| **Sabah, Labuan & Sarawak (RM)** | |
| | | Jeneral \| 80.00 \| 85.00 | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Kembaran A |
| | | Leftenan Jeneral dan Mej Jeneral \| 75.00 \| 80.00 | |
| | | Brigedier Jeneral \| 70.00 \| 75.00 | |
| | | Kolonel \| 60.00 \| 70.00 | |
| | | Kapten hingga Leftenan Kolonel \| 55.00 \| 60.00 | |
| | | Sarjan hingga Leftenan \| 45.00 \| 50.00 | |
| | | Prebet hingga Kolonel \| 40.00 \| 45.00 | |
| | | 8.0 Tuntutan Pelbagai | |
| | | 8.1 Semak sama ada pegawai menggunakan pemandu yang digajikan untuk tugas rasmi bagi tuntutan elaun hidup pemandu.Tuntutan pegawai hendaklah mengandungi pengesahan pegawai yang membuktikan ianya ada menggaji seorang pemandu. | Lampiran A Contoh surat pengesahan |
| | | Seseorang pegawai yang menggaji seorang pemandu adalah layak menuntut elaun hidup pemandu semasa menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat dengan syarat pemandunya bermalam bersama, mengikut kadar seperti berikut :- | Pek.Perbend. Bil 3 Tahun 2003 para 4.6.1<br><br>Surat Pek. Perb. Bil. 8 Tahun 2010 |
| | | (a) Semenanjung Malaysia RM 30.00 semalam<br>(b) Sabah dan Sarawak RM 40.00 semalam<br>(c) Singapura & Brunei RM 45.00 semalam | |
| | | 8.2 Bayaran tol dan tempat letak kereta<br>Hanya layak dituntut jika pegawai membawa kenderaan sendiri dengan mengemukakan resit sebagai dokumen sokongan. | Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.12.1 |
| | | 8.3 Bayaran Cukai Lapangan Terbang<br>Layak dituntut jika ada resit. | |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 12/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 8.4 Bayaran Excess Baggage<br>Layak untuk barang-barang rasmi sahaja jika ada resit.<br><br>9.0 Pengakuan<br><br>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Pengakuan diisi dengan lengkap.<br><br>9.1 Isikan ruangan para c, sekiranya resit tambang pengangkutan awam tidak diperolehi / hilang / tiada.<br><br>9.2 Tarikh dan tandatangan pegawai hendaklah dilengkapkan.<br><br>10.0 Pengesahan<br><br>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Pengesahan berkaitan tarikh, tandatangan beserta cop jawatan pegawai diisi dengan lengkap.<br><br>11.0 Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan :-<br><br>11.1 Surat Panggilan<br><br>11.2 resit-resit berkaitan – resit tambang pengangkutan awam, resit hotel, tol dan lain-lain. Satu perakuan hendaklah dibuat iaitu “Disahkan bahawa perbelanjaan rasmi kerajaan” | |
| | | 12.0 Semak sama ada kod objek yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai 21000. | Pek Perbend Bil 5 Tahun 2004 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 13/13 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 12.1 Kakitangan Awam Biasa<br><br>Dalam Negeri<br>Elaun Makan/Harian 21101<br>Elaun Lojing/Hotel 21102<br>Kereta Api/ERL/LRT/Komuter 21103<br>Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas) 21104<br>Feri/Bot 21105<br>Kapal Terbang/Tambang Gantian 21106<br>Tol/Tempat Letak Kereta/ Telefon/Fax 21199<br><br>12.2 Polis<br>Dalam Negeri<br>Elaun Makan/Harian 21301<br>Elaun Lojing/Hotel 21302<br>Kereta Api/ERL/LRT/Komuter 21303<br>Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas) 21304<br>Feri/Bot 21305<br>Kapal Terbang/Tambang Gantian 21306<br>Tol/Tempat Letak Kereta/ Telefon/Fax 21399<br><br>12.3 Tentera<br>Dalam Negeri<br>Elaun Makan/Harian 21301<br>Elaun Lojing/Hotel 21302<br>Kereta Api/ERL/LRT/Komuter 21303<br>Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas) 21304<br>Feri/Bot 21305<br>Kapal Terbang/Tambang Gantian 21306<br>Tol/Tempat Letak Kereta/ Telefon/Fax 21399 | |

Ketua Setiausaha,
Perbendaharaan Malaysia,
Kuala Lumpur.

ANM(T)AS.61.Jld 6 (180)
7 Februari 1988

(u.p : En. Jahari b. Tamrin)

Tuan,

Masalah Tuntutan Elaun-elaun

Adalah saya dengan hormatnya ingin mendapat penjelasan dari pihak tuan mengenai masalah-masalah seperti berikut:

a) Seorang pegawai telah menghadiri Musabaraq membaca Al-Quran sebagai tetamu undangan di peringkat Negeri.

b) Seorang Guru telah menghadiri Perayaan Hari Guru, Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diperingkat Negeri.

c) Seorang Pemandu di Jabatan Penjara Alor Setar telah menghantar kakitangan jabatanya untuk menghadiri Hari Pesta Sukan Penjara di taipin dan bermalam.

d) Pegawai Pejabat Kastam telah diarah untuk menghadiri Hari Kastam Sedunia di Johor Bharu.

Soalannya:

Adakah pegawai-pegawai di atas layak menuntut elaun-elaun seperti didalam Pekeliling Perbendaharaan 8/80

"KEPIMPINAN MELALUI TELADAN"

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(HAWAZIN BT SAARI)**
Penolong Akautan Kanan Perbendaharaan,
Cawangan Kedah,
b.p Akauntan Negara,
Malaysia.

KEMENTERIAN KEWANGAN,
KHAZANAH MALAYSIA,
JALAN DUTA,
KUALA LUMPUR

Telefon: 946066, 940011, 948111
Telegram: TREASURY
Telex: FEDTRY MA 30242

Ruj. Kami: KK/BP(8.00)443/1-4 SJ.8
Ruj. Tuan: (P) (JD.9)/(58)
Tarikh: 5 Ogos 1988

Akauntan Kanan Perbendaharaan,
Jabatan Akauntan Negara,
Cawangan Kedah Darulaman,
Tingkat 3 dan 4, Lot 26 dan 27,
Jalan-Telok Wanjah,
05594 ALOR SETAR.

(U.P.: Puan Saodah bt. Hassan)

DITERIMA 11 AUG 1988 Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kedah

Puan Sh' dimaklumkan, sila edarkan kpd ... sebagai ... 15/8

Tuan,

Masalah-masalah Tuntutan Elaun-elaun

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat-surat tuan bil. ANM(T)AS 61 Jld.6(187) bertarikh 28 Julai 1988 dan bil. (180) dalam siri yang sama bertarikh 7 Februari 1988.

2. Setelah dikaji dan diteliti jawapan kepada masalah tuan adalah seperti berikut:-

(a) Perenggan (a), (b) dan (d)

Pegawai-pegawai berkenaan, tidak layak menuntut apa-apa elaun bagi tugas tersebut kecuali kehadiran mereka adalah sebagai Ketua Jabatan atau sebagai mewakili Ketua Jabatan.

(b) Perenggan (c)

Pemandu berkenaan layak menuntut elaun-elaun bagi tugas tersebut.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" CINTAILAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah,

[signature]

Terima 24 FEB 1995

KP.1602/628/L (62)
Hb. Julai 1991

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 2-13 dan 15,
Wisma Bernama,
Jalan Tun Razak,
50510 Kuala Lumpur.

(u.p: En. Husein Bin Hamid)

Tuan,

Tuntutan Perjalanan Kakitangan Kerajaan
Mengikut S.P.P Bil 8/1980 Kerana
Menghadiri Majlis Sukan Sekolah Malaysia,
Majlis Hari Guru, Hari Kebangsaan Dan
Aktiviti Ko-kurikulum

Adalah saya diarahkan merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan juga percakapan antara tuan dengan Cik Loh pada 22hb Julai 1991.

2. Sukacita pihak kami mendapat pengesahan daripada pihak tuan sama ada tuntutan perjalanan boleh dibayar daripada Vot Jabatan kakitangan tersebut ataupun tidak terhadap beberapa aktiviti-aktiviti berikut:

i) a. Majlis Sukan Sekolah Malaysia (M.S.S.M)
b. Hari Guru dan
c. Hari Keluarga Kementerian

Apabila seseorang kakitangan menghadiri mesyuarat urusetia, menjadi pemerhati, menyertai raptai atau menyertai majlis yang tersebut di atas, adakah beliau layak menuntut penjelasan.

ii) Aktiviti Ko-kurikulum Sekolah
Apabila seseorang kakitangan kerajaan mengiringi murid-murid dalam aktiviti ko-kurikulum seperti Perkhemahan Pandu Puteri, dan lain-lain. Bolehkah beliau menuntut perjalanan?

3. Jawapan yang asal daripada pihak tuan dalam hal ini adalah sangat dihargai.

4. Sebagai rujuk pihak kami, sila kepilkan satu senarai aktiviti-aktiviti yang boleh dibayar oleh pihak kami mengikut S.P.P Bil 8/1980.

Kerjasama tuan dalam hal ini diucapkan dengan terima kasih. Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CINTAI BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(LAI YET YEE)**

b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan,
(Bahagian Kewangan)

KP.1602/628/L (66)
28hb. Sept 1991

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 2-13 dan 15,
Wisma Bernama,
Jalan Tun Razak,
50510 Kuala Lumpur.

(u.p: En. Husein Bin Hamid)

Tuan,

**Tuntutan Perjalanan Kakitangan Kerajaan Mengikut S.P.P Bil 8/1980 Kerana Menghadiri Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Majlis Hari Guru, Hari Kebangsaan Dan Aktiviti Ko-kurikulum**

---

Adalah saya diarahkan merujuk kepada surat kami KP.1602/628/L (62) bertarikh 22hb Julai 1991 mengenal perkara yang tersebut diatas.

2. Sukacita sekiranya dapat tuan memberi jawapan dalam perkara ini, sebab untuk makluman tuan, terdapat banyak kes-kes sedang menunggu jawapan tuan yang belum diselesaikan.

3. Bersama-sama ini disertakan salinan surat yang berkenaan lagi untuk tujuan dan pertimbangan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAI BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(LAI YET YEE)**

b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan,
(Bahagian Kewangan)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,
TINGKAT 3-15, WISMA BERNAMA,
JALAN TUN RAZAK,
50510 KUALA LUMPUR.

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: JPA.63/4/2/klt.17/(156)
Tarikh: 8 OKTOBER 1991

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Bahagian Kewangan,
Pusat Bandar Damansara,
90604 Kuala Lumpur.

(u.p : Cik Lai Yet Lee)

Tuan,

Tuntutan Perjalanan Kakitangan Kerajaan
Mengikut S.P.P Bil 8/1980 Kerana
Menghadiri Majlis Sukan Sekolah Malaysia,
Majlis Hari Guru, Hari Kebangsaan Dan
Aktiviti Ko-kurikulum

Saya diarah merujuk kepada surat tuan KP.1602/628/L (66) bertarikh 26.09.1991 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah dikaji, Jabatan ini memutuskan bahawa tuntutan yang sedemikian **Tidak Boleh di Luluskan.**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(HUSSEN BIN A. HAMID)**

Bahagian Gaji dan Elaun,
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

**From:** Zawati Yusrah binti Zainuddin zawati.zainuddin@treasury.gov.my **Sent Date**: 02 Jun, 2009 10:29 AM
**To:** ctsuraya@anm.gov.my
**Organization:** BSWP, Kementerian Kewangan Malaysia
**Subject:** Re: [Fwd: PERBELANJAAN UTK SAMBUTAN HARI GURU]

Salam,

Puan, Perbendaharaan telah meneliti perkara tersebut dan memaklumkan bahawa:

1. Sambutan/ majlis perhimpunan di peringkat daerah/ negeri/ Kementerian/ Kebangsaan memerlukan kelulusan khas daripada Perbendaharaan dan pembayaran perlu dipertanggungjawabkan kepada penganjur sambutan;

2. seseorang pegawai yang diarahkan untuk menjalankan tugas rasmi layak membuat tuntutan perjalanan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan di bawah Pekeliling Bil. 3 Tahun 2003 semasa menghadiri acara rasmi yang dijalankan pada hari-hari bekerja biasa atau pada hari cuti umum dan hari kelepasan am. Pegawai perlu mendapat arahan bertulis untuk hadir ke majlis tersebut; dan

3. Tiada peraturan khusus daripada Perbendaharaan yang membenarkan sambutan hari perkhidmatan dilaksanakan. Bagaimanapun, Kementerian/ Jabatan boleh memohon kelulusan khas daripada Perbendaharaan di dalam tempoh yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

Zawati Yusrah Zainuddin
Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam
dan Khidmat Pengurusan

On 01 Jun, 2009 12:14 PM, siti suraya binti mohd yatim <ctsuraya@anm.gov.my> wrote:

> Assalammualaikum & Salam Sejahtera,
>
> En.Yusri,
>
> Sambutan Hari Guru adalah sambutan hari perkhidmatan yang dibuat secara tahunan bagi skim guru sahaja.
>
> 1. Adakah sambutan di peringkat daerah/negeri/kementerian dibenarkan pembayaran dibuat dan dipertanggungkan kepada vot jabatan/PTJ/Kementerian?
>
> 2.Sekiranya sambutan dibuat di peringkat negeri, tuntutan perjalanan Ketua Jabatan/wakil yang diberi kuasa boleh dibayar atau tidak?
>
> Adakah peraturan / penjelasan / kebenaran daripada Perbendaharaan secara berasingan yang membenarkan sambutan hari perkhidmatan dilaksanakan?
>
> Mohon penjelasan daripada tuan berkaitan perkara di atas.
>
> Sekian Terima Kasih.
>
> Siti Suraya bt Mohd Yatim
> Akauntan W44
> JANM Pulau Pinang